



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

JULAI 2026



PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB BELIA DALAM MASYARAKAT

10 JULAI 2026M | 24 MUHARAM 1448H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ

سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Bertakwalah kepada Allah ﷻ dengan sebenar-benar takwa, laksanakan segala perintah-Nya, dan tinggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah ﷻ di dunia dan akhirat.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah ﷻ

Belia ialah golongan pewaris dan pelapis yang bakal memimpin masa hadapan ummah. Jika mereka baik maka baiklah negara. Jika rosak, maka pincanglah kepimpinan negara. Benarlah kata-kata pujangga Melayu: “Pemuda Harapan Bangsa Pemuda Tiang Negara”. Bersempena Sambutan Hari Belia Peringkat Negeri Pahang pada tahun ini, marilah kita menghayati Firman Allah ﷻ dalam surah al-Kahfi ayat 13:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ نَبَأَهُم بِالْحَقِّ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ آمَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَاهُمْ هُدًى ﴿١٣﴾

Yang bermaksud: “Kami kisahkan kepadamu (Muhammad) cerita ini dengan benar. Sesungguhnya mereka adalah para pemuda yang beriman kepada Tuhan mereka, dan Kami tambah pula untuk mereka petunjuk.”

Oleh itu, usaha mendidik para belia amat penting sehingga Allah ﷻ menyebut kisah Luqman mendidik anaknya agar menjadi orang beriman dan beribadat kepada Allah ﷻ sebagaimana dalam surah Luqman ayat 13 yang bermaksud:

“Wahai anak kesayanganku, Jangan kamu syirik kepada Allah, Sesungguhnya syirik itu adalah dosa yang besar.”



Dan juga ayat yang ke 17 yang bermaksud:

“Wahai anak kesayanganku, dirikanlah solat, lakukan kebaikan dan cegahlah kemungkaran.”

Justeru, para belia hendaklah berusaha mengenal Allah ﷻ dan suka kepada beribadat kepadaNya agar mereka memahami bahawa ibadat itu adalah tanggungjawab utama dalam kehidupan. Sesungguhnya belia yang dekat kepada Allah ﷻ akan bermanfaat kepada masyarakat dan negara.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah ﷻ

Para belia ibarat tanah yang subur, setiap benih yang ditanam pasti akan tumbuh menyubur. Begitulah nilai para belia. Benih yang ditanam di jiwanya adalah umpama ilmu. Jika ilmu yang baik berada dalam jiwanya, pasti ia akan membuahkan kebaikan dan begitulah sebaliknya. Semua ulama seperti Imam Shafie, Imam al-Ghazali, Ibnu Sina dan lain-lain adalah tokoh belia yang lahir dalam sejarah perkembangan ilmu Islam. Kepakaran mereka dalam bidang masing-masing menyumbang kepada kekuatan tamadun umat Islam. Mereka mewarisi sifat para sahabat yang dahagakan ilmu pengetahuan dengan sentiasa bersama Baginda ﷺ untuk menuntut ilmu. Seorang sahabat yang bernama Saidina Malik ibnu Huwairith ؓ berkata dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari yang bermaksud:

“Kami mendatangi Nabi ﷺ dan kami adalah para belia yang sebaya umurnya, kami tinggal bersama Baginda selama 20 hari (untuk menuntut ilmu).”



Kisah ini menunjukkan keghairahan belia pada zaman Nabi ﷺ menuntut ilmu pengetahuan yang perlu diteladani oleh belia pada masa kini. Tanpa ilmu pengetahuan, kepakaran dan kemahiran, umat Islam akan terpaksa bergantung kepada kuasa besar dunia dalam ekonomi, ketenteraan dan lain-lain lagi. Justeru, para belia hendaklah menambah ilmu pengetahuan dan memiliki kemahiran dalam apa sahaja bidang yang boleh memberi sumbangan kepada agama, masyarakat dan negara.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah ﷻ

Sedarlah bahawa pelbagai usaha telah dilakukan oleh musuh Islam untuk merosakkan peribadi belia Islam khususnya melalui media sosial, televisyen, radio, majalah, hiburan dan lain lain lagi. Belia Islam telah didedahkan dengan budaya hedonisme (kepuasan nafsu sebagai matlamat kehidupan) yang hidup mengikut hawa nafsu semata-mata, hanyut tanpa ada ikatan dengan agama. Bahaya ini telah dinyatakan oleh Rasulullah ﷺ dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari yang bermaksud:

“Kamu akan mengikuti jejak kaum yang sebelum kamu, sejengkal demi sejengkal, dan sehasta demi sehasta sehingga jika mereka masuk ke dalam lubang biawak pun kamu akan mengikutinya. Sahabat bertanya: Adakah mereka itu Yahudi dan Nasrani? Sabda Rasulullah ﷺ Siapa lagi (kalau bukan mereka).”



Oleh itu, para belia hendaklah menyedari perancangan musuh Islam. Para belia hendaklah mempunyai jati diri melalui pembentukan diri dengan cara menuntut ilmu, mencari sahabat-sahabat yang soleh dan memilih persekitaran yang bersesuaian dengan pembentukan peribadi Muslim. Manfaatkanlah diri untuk berbakti kepada ummah seperti gotong royong, kerja amal dan aktiviti kemasyarakatan serta jauhilah sebarang unsur negatif dan buruk.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah

Kesimpulan khutbah hari ini ialah:

Pertama, para belia hendaklah sentiasa menambah ilmu pengetahuan dan memiliki kemahiran dalam apa sahaja bidang yang boleh memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara.

Kedua, para belia hendaklah mempunyai jati diri yang berpasakkan ajaran agama Islam yang sebenar yang merangkumi akidah, syariat dan akhlak.

Ketiga, hindarkan diri daripada gejala negatif dan libatkan diri dalam aktiviti masyarakat yang bermanfaat untuk umat dan negara.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَنْ تَرْضَى عَنْكَ الْيَهُودُ وَلَا النَّصَارَى حَتَّى تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ قُلْ إِنَّ هُدَى
اللَّهِ هُوَ الْهُدَى وَلَئِنْ أَتَبَعْتَ أَهْوَاءَهُمْ بَعْدَ الَّذِي جَاءَكَ مِنَ الْعِلْمِ مَا
لَكَ مِنَ اللَّهِ مِنْ وَلِيٍّ وَلَا نَصِيرٍ ﴿١٢٠﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.